

29/08/2003

Cara panduan LPF patut disemak semula

Akmal Abdullah

SATU garis panduan yang lengkap dan menyeluruh terutamanya filem yang ada unsur keganasan, tahyul dan seksual harus disediakan oleh Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPF) termasuk menyekat filem import yang menyumbang aspek tidak elok demi memelihara nilai moral dan ketenteraman masyarakat.

Pada masa sama, kawalan untuk semua filem atau apa saja program menerusi stesen televisyen sama ada teresterial atau satelit juga harus dibuat supaya tidak ada filem yang memaparkan aksi keterlaluan yang boleh memberi kecenderungan nilai tidak elok terhadap remaja dan kanak-kanak.

Tokoh filem, Datuk Jins Shamsuddin, berkata filem bukan saja di panggung dan televisyen tetapi dalam bentuk cakera padat video (VCD) haram yang memberi rangsangan perilaku tidak elok pada anak muda.

"Garis panduan yang ada pada LPF harus disemak semula. Ada antaranya tidak begitu relevan lagi ketika ini. Ada juga yang harus dilihat pada contoh yang berlaku, iaitu ada filem yang sudah main di panggung kemudian ditarik balik sebab protes masyarakat. Garis panduan yang ada seperti tidak lengkap.

"Unsur seks, ganas dan tahyul kebanyakannya dari filem import. Filem tempatan tidak menunjukkan unsur terlalu ganas, sekadar contoh tetapi soal keganasan juga banyak dibuat dalam filem versi VCD. Saya tidak nafikan, ada juga VCD tempatan yang berunsur ganas dan terlepas jika ia sudah menerusi saringan LPF. Saya dapat tahu ada penerbit yang buat VCD tetapi tidak dihantar kepada LPF.

"Ramai kanak-kanak dan pelajar sekolah membeli VCD. Walaupun ada undang-undang ketat tetapi pihak penerbit, pengarah, pengedar dan syarikat juga harus ada tanggungjawab untuk menjaga keharmonian masyarakat dan negara," katanya kepada Persada Seni.

Jins diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai langkah kerajaan mahu memperketatkan lagi penapisan filem yang berunsur ganas dan seks keterlaluan.

Isnin lalu, Berita Harian melaporkan langkah kerajaan yang akan memperketatkan lagi filem berunsur keganasan terutama filem import kerana ia memberi kesan tidak baik kepada remaja dan pelajar sekolah.

Ia berikutan laporan penyingkiran 20 pelajar tingkatan lima Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh yang cuba mengamalkan budaya ala samseng seperti 'High Council'.

Jins menyokong saranan Timbalan Perdana Menteri itu sambil mencadangkan supaya sekatan harus dibuat terhadap filem import yang mempunyai unsur keganasan dan seksual.

Presiden Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM), Ahmad Ibrahim, berkata pertembungan budaya dalam zaman teknologi sukar menyekat filem yang banyak keganasan dan seksual di pasaran, termasuk dalam Internet dan pasaran gelap menerusi VCD cetak rompak.

"Sistem pendidikan tidak diajar budaya asli yang berteraskan nilai dan norma Melayu, Jika ada pun tidak begitu jelas. Kita tidak tekankan pada mata pelajaran teras dalam aspek seni budaya. Walaupun ia memakan masa lama tetapi kita kena ingat generasi sekarang akan mencerminkan generasi akan datang yang harus menjalani kehidupan berdisiplin, bermoral dan berakal budi.

"Persoalan moral bukan saja disebabkan filem. Ada sebab lain termasuk ada elemen seperti media massa, pendidikan ibu bapa yang tidak cukup,

nilai materialistik dan sikap masyarakat.

Apapun, filem import perlu disekat. Sebelum import filem luar, kita kenal budaya kita yang lebih berhemah.

"FDAM setuju dengan apa yang diperkatakan Timbalan Perdana Menteri. Pada masa sama, kita harus serapkan budaya kita yang tinggi dalam media seperti majalah, TV dan filem kita. Isi budaya dalam media massa dan dunia artis kita masa kini juga kurang mencerminkan budaya yang baik.

"Kita harus ada motivasi secara besar-besaran untuk orang filem supaya perhatian diberikan terhadap nilai moral dan menyumbang kepada industri.

"Soal moral dan akhlak juga bukan sekadar filem tetapi aspek lain yang berada di sekeliling kita termasuk suasana persekitaran, pendidikan kekeluargaan, sekolah dan media. Alasan filem adalah faktor ketujuh, bukan faktor utama menyebabkan banyak gejala sosial termasuk budaya samseng," kata Ahmad.

Sementara itu, pensyarah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Asiah Sarji, berkata filem import sememangnya lebih banyak mempunyai unsur negatif berbanding filem tempatan yang seharusnya ditapis dengan lebih ketat.

Penerbit Kuasatek Pictures, Mohd Noor Kadir, pula berkata unsur keganasan dan seks yang keterlaluan lebih ketara dalam filem import yang seharusnya diberi perhatian lebih ketat sebagaimana yang dibuat untuk filem tempatan.

"Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ada sebut filem Terminator, umumnya ia merujuk kepada bahan import. Saranan Timbalan Perdana Menteri pula susulan kenyataan Perdana Menteri iaitu untuk memperketatkan lagi filem berunsur keganasan lebih mengkhusus untuk filem import sebab filem tempatan sudah ada self-censorship sendiri. Kita sudah tahu apa yang perlu ditiadakan dalam filem dan LPF juga memantau filem tempatan dengan ketat. Kita juga apabila hasilkan filem sentiasa berhati-hati.

"Bagi saya, elemen keganasan dan seks tidak ada dalam filem tempatan. Kita harus banyakkkan produk filem tempatan seperti di Thailand dan Indonesia dalam televisyen kita. Jika nak hadkan filem import, mungkin sukar juga jika kita lihat suasana pasaran bebas ketika ini," kata Mohd Noor.